



جَابِتَنْ قَرْدَان مَنبَرِي

JABATAN PERDANA MENTERI  
PRIME MINISTER'S OFFICE

JALAN PERDANA MENTERI  
BANDAR SERI BEGAWAN, BB3913  
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM

Rujukan: **JPM/SUT/PA/S/28 PT.1**

**SEGERA**

28 Jamadilakhir 1441  
22 Februari 2020

بِسْمِ اللّٰهِ الرَّحْمٰنِ الرَّحِیْمِ  
السَّلَامُ عَلَیْكُمْ وَرَحْمَةُ اللّٰهِ وَبَرَكَاتُهُ

Yang Amat Mulia / Yang Berhormat / Yang Dimuliakan / Yang Mulia  
Setiausaha-Setiausaha Tetap dan Ketua-Ketua Jabatan  
Pengiran / Pehin / Dato / Datin /Tuan / Puan

#### **ANUGERAH INOVASI PERDANA (AIP) NEGARA BRUNEI DARUSSALAM 2020**

Dengan penuh hormat sukacita merujuk Titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam sempena Sambutan Hari Perkhidmatan Awam **Kali Ke-25 pada 22 Safar 1440 bersamaan 31 Oktober 2018 yang antara lain Titah baginda, "Menyentuh inovasi dalam Perkhidmatan Awam, Beta menyambut baik inisiatif yang telah diambil oleh Jabatan Perdana Menteri melalui Jabatan Perkhidmatan Pengurusan dan Institut Perkhidmatan Awam yang meneliti semula Program Inovasi dalam Perkhidmatan Awam dengan memperkenalkan satu anugerah baru yang dikenali sebagai 'Anugerah Inovasi Perdana', seperti yang digariskan dalam Rangka Kerja Perkhidmatan Awam, Negara Brunei Darussalam. Beta percaya dengan adanya anugerah ini nanti, dapatlah meningkatkan lagi kecekapan dan keberkesanan pentadbiran awam. Inilah harapan semua dan harapan negara".** Pada menjunjung Titah tersebut jabatan ini telah memperkenalkan dan melaksanakan program AIP bermula pada tahun 2019.

2. Anugerah ini adalah untuk memberikan penghargaan dan pengiktirafan terhadap usaha-usaha penambahbaikan dan pembaharuan (inovasi) yang berhasil dilaksanakan di dalam Perkhidmatan Awam Negara Brunei Darussalam. Tema Majlis Sambutan Hari Perkhidmatan Awam "**Perkhidmatan Awam Berintegriti Dan Berinovasi Pemangkin Pembangunan Negara**" selaras dengan era digital masa kini yang membawa maksud Perkhidmatan Awam sebagai tunggak dan nadi utama dalam menggerakaktifkan sumber tenaga manusia dan pemangkin kepada pembangunan negara dalam mencapai Wawasan Brunei 2035. Setiap penjawat awam perlu menerapkan budaya berintegriti dan berinovasi ke arah menaiktaraf kualiti Perkhidmatan Awam yang cemerlang dan berdaya tahan.

3. Dalam hal ini, sukacita menarik perhatian Yang Amat Mulia / Yang Berhormat / Yang Dimuliakan / Yang Mulia Pengiran / Pehin / Dato / Datin / Tuan / Puan mengenai dengan penyertaan **AIP Negara Brunei Darussalam bagi tahun 2020** adalah **dibukakan kepada semua warga Perkhidmatan Awam Negara Brunei Darussalam, sama ada secara perseorangan atau berkumpulan.**

...2/



- 2 -

3. Untuk makluman Yang Amat Mulia / Yang Berhormat / Yang Dimuliakan / Yang Mulia Pengiran / Pehin / Dato / Datin / Tuan / Puan, penyertaan AIP pada tahun ini memberikan tumpuan kepada Kertas Projek, iaitu projek yang dilaksanakan telah menampakkan hasil / natijah dan impak yang besar / positif bukan sahaja ke atas Perkhidmatan Awam, malah kepada pihak berkepentingan / *stakeholders* khususnya orang ramai.

4. Untuk makluman Yang Amat Mulia / Yang Berhormat / Yang Dimuliakan / Yang Mulia Pengiran / Pehin / Dato / Datin / Tuan / Puan seterusnya, penyertaan Kertas Projek AIP 2020 dibukakan kepada berbagai bidang yang antara lainnya seperti berikut: -

- a. Meningkatkan penyampaian Perkhidmatan Awam melalui aplikasi teknologi info-komunikasi dan kaedah-kaedah tertentu seperti *delivery approach*, perkhidmatan dan lain-lain;
- b. Inovasi dalam Perkhidmatan Awam;
- c. Meningkatkan integriti, ketelusan, akauntabiliti dan tindakbalas dalam Perkhidmatan Awam; dan
- d. Penambahbaikan kualiti proses dalam Perkhidmatan Awam yang menyumbang kepada mempercepatkan urusan-urusan yang berkaitan dengan *Ease of Doing Business* (EODB).

5. Sehubungan ini, semua kertas projek yang dicalonkan dalam penyertaan ini hendaklah memenuhi syarat-syarat seperti yang terkandung di dalam Garis Panduan AIP. Borang Penyertaan dan Garis Panduan boleh didapati dengan memuat turun daripada laman sesawang Jabatan Perkhidmatan Pengurusan di alamat [www.msd.gov.bn](http://www.msd.gov.bn). Borang penyertaan yang telah lengkap hendaklah dihadapkan ke Jabatan Perkhidmatan Pengurusan tidak lewat pada hari **Khamis, 07 Ramadhan 1441 bersamaan 30 April 2020, jam 4.00 petang**. Untuk mendapatkan maklumat dan keterangan lanjut sila hubungi terus ke:

Jabatan Perkhidmatan Pengurusan  
Jabatan Perdana Menteri  
Bangunan Bahirah  
Jalan Menteri Besar  
Bandar Seri Begawan BB3910  
Negara Brunei Darussalam  
Telefon : 2372064/65/66 sambungan 523/550/553  
Fax : 2382062  
Email : [info.msd@msd.gov.bn](mailto:info.msd@msd.gov.bn)



- 3 -

6. Sebarang pertanyaan berkaitan hal ehwal AIP bolehlah menghubungi Yang Mulia Awang Akramin bin Awang Haji Ash'ari (**akramin.ashari@msd.gov.bn**), Pegawai Perkhidmatan Pengurusan atau Yang Mulia Dayang Noor Rohaya binti Arun (**rohaya.arun@msd.gov.bn**), Pegawai Perkhidmatan Pengurusan di jabatan ini melalui talian 2382064 / 65 / 66.

7. Kerjasama, komitmen serta perhatian Yang Amat Mulia / Yang Berhormat / Yang Dimuliakan / Yang Mulia Pengiran / Pehin / Dato / Datin / Tuan / Puan dalam menyertai AIP 2020 adalah sangat dialukan-alukan dan disembahkan / diucapkan setinggi-tinggi menjunjung kasih / terima kasih.

Sekian sahaja disampaikan mengenainya. والسلام

والله ولي التوفيق  
"Menjayakan Wawasan Negara"  
Dengan hormat,

**[PENGIRAN HAJAH SITI NIRMALA BINTI PENGIRAN HAJI MOHAMMAD]**  
Pemangku Setiausaha Tetap (Hal Ehwal Korporat dan Pentadbiran Awam)  
Jabatan Perdana Menteri



- 4 -

## **PEMBAHAGIAN KEPADA:**

### **Setiausaha-Setiausaha Tetap**

- Jabatan Perdana Menteri;
- Kementerian Pertahanan;
- Kementerian Kewangan dan Ekonomi;
- Kementerian Hal Ehwal Luar Negeri;
- Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri;
- Kementerian Hal Ehwal Ugama;
- Kementerian Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan;
- Kementerian Kesihatan;
- Kementerian Pembangunan;
- Kementerian Pendidikan;
- Kementerian Pengangkutan dan Infokomunikasi;
- Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan;
- Kementerian Tenaga.

### **Ketua-Ketua Jabatan**

#### Jabatan Perdana Menteri

- Yang Amat Mulia, Yang Di-Pertua Adat Istiadat Negara
- Yang Berhormat, Peguam Negara
- Yang Mulia, Juruaudit Agung
- Yang Mulia, Pengarah Keselamatan Dalam Negeri
- Yang Mulia, Pesuruhjaya Polis
- Yang Dimuliakan, Jurutulis Majlis-Majlis Mesyuarat Negara
- Yang Mulia, Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam
- Yang Mulia, Pengarah Biro Mencegah Rasuah
- Yang Mulia, Pengarah Biro Kawalan Narkotik
- Yang Mulia, Pengarah Radio Televisyen Brunei
- Yang Mulia, Setiausaha Suruhanjaya Perkhidmatan Awam
- Yang Mulia, Pengarah Penerangan
- Yang Berhormat, Mufti Kerajaan
- Yang Mulia, Pengarah Kehakiman Negara
- Yang Mulia, Pengarah Percetakan Kerajaan
- Yang Mulia, Pengarah Institut Perkhidmatan Awam
- Yang Mulia, Pengarah Penyelidikan Brunei
- Yang Mulia, Pengarah Strategi Tenaga Manusia
- Yang Mulia, Pengarah Job Centre Brunei
- Yang Mulia, Pengarah Pusat Pembangunan Kapasiti



- 5 -

#### Kementerian Pertahanan

- Yang Mulia, Pengarah Pengurusan Strategik
- Yang Mulia, Pengarah Jabatanarah Kewangan dan Perolehan
- Yang Mulia, Pengarah Jabatanarah Politik dan Organisasi
- Yang Mulia, Pengarah Jabatanarah Pembangunan dan Perkhidmatan Kerja
- Yang Mulia, Pengarah Institut Pengajian Pertahanan dan Strategik Sultan Hassanal Bolkihah
- Yang Mulia, Pengarah Jabatanarah Pentadbiran dan Perkembangan Manusia

#### Kementerian Kewangan Dan Ekonomi

- Yang Mulia, Jurukira Agung
- Yang Mulia, Pengarah Jabatan Kementerian Kewangan dan Ekonomi
- Yang Mulia, Pengawal Kastam dan Eksais Diraja
- Yang Mulia, Ketua Pengarah Perancangan Ekonomi dan Statistik

#### Kementerian Hal Ehwal Luar Negeri

- Yang Mulia, Pengarah Pentadbiran
- Yang Mulia, Pengarah Pertubuhan-Pertubuhan Antarabangsa
- Yang Mulia, Pengarah Kerjasama Ekonomi
- Yang Mulia, Pengarah Teknologi Maklumat dan Komunikasi
- Yang Mulia, Pengarah Protokol dan Hal Ehwal Konsular
- Yang Mulia, Pengarah Keselamatan
- Yang Mulia, Pengarah ASEAN
- Yang Mulia, Pengarah Perancangan Dasar

#### Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri

- Yang Mulia, Pegawai Daerah Brunei dan Muara
- Yang Mulia, Pegawai Daerah Belait
- Yang Mulia, Pegawai Daerah Tutong
- Yang Mulia, Pegawai Daerah Temburong
- Yang Mulia, Pengerusi Bandaran Bandar Seri Begawan
- Yang Mulia, Pengerusi Bandaran Kuala Belait dan Seria
- Yang Mulia, Pengerusi Bandaran Tutong
- Yang Mulia, Pengarah Imigresen dan Pendaftaran Kebangsaan
- Yang Mulia, Pesuruhjaya Buruh
- Yang Mulia, Pengarah Bomba dan Penyelamat
- Yang Mulia, Pengarah Penjara
- Yang Mulia, Pengarah Pusat Pengurusan Bencana Kebangsaan (NDMC)

#### Kementerian Hal Ehwal Ugama

- Yang Mulia, Pengarah Pentadbiran
- Yang Mulia, Pengarah Urusan Haji
- Yang Mulia, Pengarah Hal Ehwal Syariah



- 6 -

- Yang Mulia, Pengarah Pusat Da'wah Islamiah
- Yang Mulia, Pengarah Hal Ehwal Masjid
- Yang Mulia, Pengarah Pengajian Islam
- Yang Mulia, Setiausaha Majlis Ugama Islam Brunei
- Yang Mulia, Ra'es Kolej Universiti Perguruan Ugama Seri Begawan

Kementerian Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan

- Yang Mulia, Pengarah Pertanian dan Agrimakanan
- Yang Mulia, Pengarah Perikanan
- Yang Mulia, Pengarah Perhutanan
- Yang Mulia, Pengarah Kemajuan Pelancongan

Kementerian Kesihatan

- Yang Mulia, Pengarah Pentadbiran dan Kewangan
- Yang Mulia, Ketua Pengarah Perkhidmatan Perubatan
- Yang Mulia, Ketua Pengarah Perkhidmatan Kesihatan

Kementerian Pembangunan

- Yang Mulia, Ketua Pengarah Kerja Raya
- Yang Mulia, Pesuruhjaya Tanah
- Yang Mulia, Juruukur Agung
- Yang Mulia, Pengarah Kemajuan Perumahan
- Yang Mulia, Pesuruhjaya Perancang Bandar dan Desa
- Yang Mulia, Pengarah Alam Sekitar, Taman dan Rekreasi

Kementerian Pendidikan

- Yang Mulia, Ketua Pengarah Pendidikan
- Yang Mulia, Pengarah Pentadbiran dan Perkhidmatan-Perkhidmatan
- Yang Mulia, Pengarah Perancangan dan Pengurusan Estet
- Yang Mulia, Pengarah Sekolah-Sekolah
- Yang Mulia, Pengarah Pendidikan Ko-Kurikulum
- Yang Mulia, Pengarah Kenaziran Sekolah-Sekolah
- Yang Mulia, Pengarah Peperiksaan
- Yang Mulia, Pengarah Teknologi Maklumat dan Komunikasi
- Yang Mulia, Pengarah Perancangan, Perkembangan dan Penyelidikan
- Yang Mulia, Pengarah Perancangan dan Pengurusan Estet
- Yang Mulia, Pengarah Pendidikan Teknik
- Yang Mulia, Pengarah Politeknik Brunei
- Yang Mulia, Pengetua Institut Pendidikan Teknikal Brunei (IBTE)
- Yang Mulia, Naib Canselor Universiti Brunei Darussalam
- Yang Mulia, Rektor Universiti Islam Sultan Sharif Ali
- Yang Mulia, Naib Canselor Institut Teknologi Brunei



- 7 -

Kementerian Pengangkutan dan Infokomunikasi

- Yang Mulia, Pengarah Penerbangan Awam
- Yang Mulia, Pengarah Pengangkutan Darat
- Yang Mulia, Ketua Pos Agung
- Yang Mulia, Pengarah Kajicuaca

Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan

- Yang Mulia, Pengarah Dewan Bahasa dan Pustaka
- Yang Mulia, Pengarah Belia dan Sukan
- Yang Mulia, Pengarah Muzium-Muzium
- Yang Berhormat, Pengetua Pusat Sejarah
- Yang Mulia, Pengarah Pembangunan Masyarakat

Kementerian Tenaga

- Yang Mulia, Pegawai Pentadbir Tenaga dan Perindustrian
- Yang Mulia, Pengarah Perkhidmatan Elektrik

..//disertakan